



BAB
V

BAB V

WANITA DAN KEHAKIMAN DI MAHKAMAH SYARIAH MENGIKUT REALITI SEMASA

5.1 Pendahuluan

Mahkamah Syariah telah wujud sejak dari zaman penjajahan British lagi. Kedatangan Inggeris ke rantau ini memberi implikasi penyerapan pengaruh-pengaruh Inggeris ke negeri-negeri Melayu.¹ Taraf dan kedudukan Mahkamah Syariah pada masa itu adalah rendah malah diatasi oleh Mahkamah Awam. Keadaan ini berterusan hingga ke hari ini walaupun negara telah mencapai kemerdekaan.² Malah sejak akhir-akhir ini kedudukan Mahkamah Syariah sering dipertikaikan kewibawaannya dan pentadbiran yang tidak cekap.

Bagaimanapun Mahkamah Syariah telah mengalami pelbagai perkembangan yang begitu baik terutama dalam usaha untuk mempertingkatkan imej serta kualiti Mahkamah Syariah di Malaysia.

Walaupun pelbagai usaha dilakukan, namun Mahkamah Syariah tetap dikritik oleh pelbagai pihak dan masyarakat. Antara kritikan dan teguran yang

¹ Mahmud Saedon Awang Othman (1988), *Ke Arah Islamisasi Undang-undang di Malaysia*, Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, h. 33-34.

² *Ibid*, h. 35.

ditujukan kepada Mahkamah Syariah, ialah Mahkamah Syariah tidak cekap pentadbirannya, banyak kes-kes tertangguh dan *bias* terhadap wanita dalam kes-kes penghakimannya.³ Malah ada sesetengah pihak yang tidak berpuashati dengan Mahkamah Syariah dan mencadangkan supaya melantik wanita sebagai hakim bagi mengendalikan kes-kes yang melibatkan wanita.

Banyak pandangan negatif yang dilemparkan kepada Mahkamah Syariah, dan sudah tentu menampakkan bahawa ketidakcekapan pentadbiran Mahkamah Syariah terutama dalam kes-kes yang melibatkan wanita dan situasi ini akan menimbulkan prasangka yang lebih buruk lagi kepada kewibawaan serta keadilan Islam di mata masyarakat. Oleh itu penulis merasa perlu untuk membuat kajian terhadap keperluan Mahkamah Syariah untuk melantik wanita sebagai hakim, selaras dengan isu semasa yang memerlukan kepada penglibatan wanita dalam bidang tersebut.

5.2 Prosedur Perlantikan Hakim Di Mahkamah Syariah

Perlantikan hakim di Mahkamah Syariah mengikut prosedur-prosedur berikut. Syarat-syarat untuk menjadi hakim telah diperuntukkan dalam Akta Pentadbiran Undang-undang Islam,⁴ bahawa:

³ Lihat dalam *Harian Watan*, 30.12.1996; *Muslimah*, Bil: 154 Oktober 1999, *Perlaksanaan Undang-undang Islam, Perlu Reformasi Segera?*.

⁴ Akta Pentadbiran Undang-undang Islam Mahkamah Syariah (Wilayah Persekutuan) (1993), (Akta 505); Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah Negeri Kelantan (1982), Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam (1989), Enakmen no. 2 (1989).

1- Ketua Hakim Syarie, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah dan Hakim Mahkamah Rayuan Syariah hendaklah dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan atas nasihat Majlis.

Seseorang itu layak dilantik di bawah subseksyen (1) jika:

- (a) dia seorang warganegara; dan
- (b) telah berkhidmat tidak kurang sepuluh tahun sebelum tarikh perlantikannya sebagai Peguam Syarie di mana-mana Mahkamah Syariah atau sebagai anggota Mahkamah Syariah atau mempunyai kepakaran dalam perundangan Islam.
- (c) seorang yang arif tentang hukum syarak.

Semua perlantikan di bawah seksyen ini hendaklah diwartakan.

Manakala perlantikan Hakim Mahkamah Rendah Syariah⁵ pula memperuntukkan bahawa:

“Perlantikan Hakim Mahkamah Rendah Syariah hendaklah dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan atas persetujuan Ketua Hakim Syarie.

Perlantikan Hakim Rendah Mahkamah Syariah hanya boleh dilantik jika dia adalah seorang anggota Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan Syariah atau Perkhidmatan Awam.

Semua perlantikan di bawah subseksyen (1) hendaklah diwartakan.”

⁵ Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam Mahkamah Syariah (1993), Ibid.

Perlantikan pegawai-pegawai Syariah seperti jawatan Ketua Pendaftar, Penolong Pendaftar, Pendakwa Syarie dan Hakim-hakim di Mahkamah Syariah hendaklah dilantik oleh Sultan atas nasihat Ketua Hakim Syarie. Mereka yang dilantik hendaklah mempunyai kemahiran dalam pentadbiran kehakiman yang melayakkan mereka diletakkan di bawah Perkhidmatan Kehakiman.

Perlantikan hakim di Mahkamah Syariah menunjukkan bahawa tiada peruntukkan undang-undang yang menghadkan jantina. Malah perlantikan ini dibolehkan kepada wanita yang memohon dan mempunyai kelayakan dalam bidang pentadbiran kehakiman dan perundangan Islam. Walaupun perlantikan hakim di Mahkamah Syariah tidak menghadkan jantina, namun sehingga ke hari ini masih tidak ada wanita yang dilantik sebagai hakim. Mereka hanya dilantik sebagai Penolong Pendaftar di Mahkamah Syariah sahaja.⁶

Berdasarkan kepada prosedur perlantikan hakim di Mahkamah Syariah menunjukkan bahawa hakim yang dilantik adalah mengikut kelayakan seseorang dalam pentadbiran kehakiman, jadi masalah tiada kelayakan tidak patut dipersoalkan kerana seseorang yang dilantik sebagai hakim Mahkamah Syariah mestilah anggota dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan Syariah. Jadi, wanita juga harus diberi peluang dan dilantik sebagai hakim di Mahkamah Syariah untuk mengendalikan kes-kes yang melibatkan wanita dan mengelakkan dari masalah kekurangan hakim.

⁶Sumber; Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kelantan Sehingga Julai 2003.

5.3 Halangan-Halangan Terhadap Wanita Dalam Tugas Kehakiman

Sehingga kini, tiada seorang pun kaum wanita yang dapat menceburi bidang kehakiman di semua negeri di Malaysia sama ada di Mahkamah Tinggi Syariah, Mahkamah Rendah Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah. Fenomena ini terjadi kerana Malaysia yang mengamalkan mazhab Syafie.⁷ Menurut mazhab Syafie mereka sependapat mengatakan bahawa syarat-syarat kelayakan untuk menjadi hakim mestilah lelaki. Menurut mereka lagi, lelaki adalah syarat utama yang membolehkan seseorang itu dilantik sebagai hakim.⁸

Menurut Datuk Dr. Mahmood Zuhdi pula mengatakan, jumurh ulama tidak mengharuskan perlantikan hakim wanita kerana berdasarkan hadis Rasulullah s.a.w “*Lan yufliha qawmun wallau amrahumu imra'ah*”. Tetapi hadis ini tidak boleh dijadikan alasan untuk tidak mengharuskan perlantikan wanita sebagai hakim, kerana kepimpinan di sini adalah dalam *wilayah 'ammah* iaitu sebagai ketua negara. Malah sesetengah ulama mengatakan tidak ada halangan bagi wanita untuk melibatkan diri mereka dalam urusan tertentu seperti kehakiman, peguam dan memberi fatwa. Lagipun hukum Islam itu sendiri yang menyatakan tanggungjawab wanita dan lelaki itu sama sahaja dalam menegakkan kebaikan dan mencegah kemungkaran, Cuma bezanya ialah wanita diciptakan sebagai isteri dan lelaki pula sebagai seorang suami yang mempunyai tugas dan

⁷ Temubual dengan Datuk Haji Daud b. Muhamad, Ketua Hakim Syarie Mahkamah Tinggi Syariah Kelantan, pada 21 Oktober 2003.

⁸ Ibid.

tanggungjawab yang berbeza-beza sesuai dengan peranan mereka sebagai seorang isteri dan suami.⁹

Adapun masalah *wilayah* setengah wanita ke atas setengah lelaki iaitu diluar lingkungan keluarga, maka tiada *nas* yang melarangnya. Apa yang dilarang adalah *wilayah 'ammah* seorang wanita ke atas semua lelaki seperti yang terkandung dalam hadis yang telah diriwayatkan oleh al-Bukhari daripada Abu Bakrah r.a bahawa Rasulullah s.a.w bersabda:

لَنْ يَفْلِحَ قَوْمٌ وَلَوْ أَمَرَهُمْ امْرَأَةٌ

Maksudnya:

“Tidak akan berjaya sesuatu kaum yang mengangkat wanita sebagai pemimpin mereka.”

(Hadis Riwayat Bukhari)

Maksud pemimpin di sini adalah *wilayah 'ammah* yang memimpin umat keseluruhannya.¹⁰ Perkataan “*amrahum*” bermaksud mengetuai mereka secara umum. Jika dalam setengah urusan maka tiada halangan bagi wanita untuk menjadi pemimpin dalam urusan yang tertentu seperti memimpin dalam urusan yang berkaitan dengan fatwa, *ijtihad*, mengajar, *meriwayatkan* hadis dan mentadbir dalam sesuatu urusan. Semua itu termasuk dalam perkara yang harus bagi wanita menguasainya. Keharusan ini juga merupakan sesuatu yang telah disepakati

⁹ Temubual dengan Prof. Datuk Dr. Mahmood Zuhdi bin Hj. Abd. Majid, Pengarah Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, pada 17 November 2000.

¹⁰ Yūsuf al-Qardāwī (Dr.) (1993), *Fatāwa Mu'āṣarah*, j. 2, Mansurah: Dār al-Wafā', h. 377.

(*ijmak*) dan wanita itu benar-benar memainkan peranan mereka dalam bidang tersebut sepanjang zaman. Contohnya ialah Imam Abu Hanifah mengharuskan wanita menjadi hakim dalam masalah yang boleh diterima kesaksian mereka selain daripada kes-kes yang melibatkan *hudud* dan *qisas*.¹¹

Pendapat yang mengatakan tidak harus melibatkan diri mereka dalam tugas kehakiman juga memberi alasan bahawa wanita sering didatangi keuzuran yang semulajadi seperti haid, nifas, bersalin, menyusu serta bebanan sebagai ibu yang menyebabkan kaum wanita ini mudah lemah, penat, sakit, letih dan seumpamanya. Oleh itu mereka tidak mampu untuk memikul tanggungjawab yang berat ini sama ada dari sudut jasmani, *aqli* dan *nafsi* (kejiwaan).

Menurut pendapat Dr. Yusuf al-Qardhawi memang benar bukan semua wanita layak untuk memikul tanggungjawab ini, tetapi masih ada peluang kepada wanita yang tidak dianugerahi anak yang ramai, sedangkan dia mempunyai kelebihan dari segi kekuatan, waktu, ilmu, serta kepandaian dan wanita yang menjangkau usia lima puluhan yang mungkin tidak lagi diganggu oleh keuzuran semulajadinya atau anak-anaknya juga mungkin telah berumahtangga, usianya telah cukup matang, pengalaman melimpah ruah dan dia pula mempunyai kelapangan untuk bergiat dalam bidang kemasyarakatan.¹²

¹¹ *Ibid*, h. 377.

¹² *Ibid*, h. 386.

Menurut Hakim Mahkamah Rendah Syariah, Kota Bharu Kelantan, iaitu Yang Arif Ustaz Haji Muhammad Lutfi bin Haji Noor, katanya bahawa Malaysia sememangnya sependapat dengan mazhab Syafie dalam perlantikan hakim di Mahkamah Syariah,¹³ di samping syarat-syarat yang lain seperti hakim itu mestilah seorang Islam, mempunyai pengetahuan yang mendalam dalam al-Quran dan al-Sunnah, *ijmak*, *qiyas* serta ilmu-ilmu yang berkaitan dengan *fiqh* dan *usul fiqh*. Perlantikan hakim di Mahkamah Syariah dibuat di atas persetujuan Sultan setelah seseorang itu mempunyai kelayakan-kelayakan tertentu.¹⁴

Menurutnya lagi, wanita tidak boleh dilantik sebagai hakim kerana tugas kehakiman adalah tugas yang berat dan mencabar serta berisiko tinggi, sedangkan wanita adalah seorang yang lemah fizikal dan mentalnya, wanita juga sering didatangi keuzuran semulajadinya seperti haid, nifas, melahirkan anak, menyusu dan seumpamanya. Ini semua tidak dapat melayakkan wanita untuk menjadi hakim.¹⁵

Perlantikan hakim di Mahkamah Syariah, hanya diberi keutamaan kepada kaum lelaki sahaja, kerana wanita tidak mempunyai syarat-syarat kelayakan seperti yang ada pada lelaki seperti dari segi kepintaran, kematangan dan keilmuan yang dikehendaki iaitu sampai keperingkat *mujtahid*.¹⁶

¹³ Temubual dengan Hakim Mahkamah Rendah Syariah, Kota Bharu, Kelantan, Yang Arif Ustaz Hj. Muhammad Lutfi bin Hj. Noor, pada 4 Disember 2000.

¹⁴ Ibid.

¹⁵ Ibid.

¹⁶ Ibid.

Sekarang ramai di kalangan wanita yang menuntut hak-hak kewanitaannya supaya mendapat tempat dibidang ini, tetapi sehingga kini tuntutan tersebut tidak dipersetujui oleh ulama Malaysia yang bermazhab Syafie. Mereka berhujah dengan menyatakan wanita tidak boleh dilantik sebagai hakim di Mahkamah Syariah berasaskan kepada pendapat ulama Syafie seperti yang dinyatakan dalam kitab-kitab *fiqh* dengan mensyaratkan lelaki sahaja yang layak dilantik sebagai hakim. Sehubungan dengan itu, Yang Dipertua Persatuan Ulama Malaysia (PUM), Ustaz Abdul Ghani Samsuddin menegaskan, kerajaan perlu merujuk keputusan jumur ulama bagi membolehkan wanita dilantik sebagai hakim Mahkamah Syariah.¹⁷

Tanggungjawab individu yang terdiri dari lelaki ataupun wanita adalah berdasarkan kepada tercapainya tujuan-tujuan syariat sehingga yang dijadikan ukuran ialah kemampuan untuk melakukan tugas tersebut dan bukan melihat pada jenis jantinya.

Perlantikan hakim di Mahkamah Syariah masih diberi keutamaan kepada kaum lelaki kerana tidak terdapat calon-calon hakim yang mempunyai kelayakan, keilmuan yang dikehendaki iaitu sampai keperingkat *mujtahid*. Adapun

¹⁷ Harakah, 16-30 April 2003.

perlantikan hakim-hakim lelaki yang sedia ada dan yang sedang bertugas di Mahkamah-mahkamah Syariah pada masa kini adalah di atas dasar *al-darurah*.¹⁸

Tambahan lagi, sikap kebanyakan masyarakat Malaysia khususnya kaum lelaki masih belum dapat menerima kehadiran wanita di Mahkamah Syariah sebagai hakim. Mereka terasa tercabar dan tidak senang jika kaum wanita yang berkuasa membuat keputusan dan menjatuhkan hukuman ke atas mereka. Begitu juga bagi ahli-ahli Majlis Fatwa Negeri-Negeri masih belum bersedia untuk mengharuskan perlantikan wanita sebagai hakim Mahkamah Syariah.¹⁹

Bagaimanapun Datuk Syeikh Ghazali berkata, wanita boleh dilantik sebagai hakim sekiranya mereka mempunyai kelayakan dalam bidang kehakiman, tetapi perlantikan ini tidak dibuat kerana tidak ada wanita yang memohon untuk memegang jawatan tersebut.²⁰

Berdasarkan kepada kenyataan di atas menunjukkan bahawa perlantikan hakim di Mahkamah Syariah adalah berdasarkan kepada prejudis jantina. Oleh itu syarat perlantikan hakim perlu dibuat penilaian semula. Penilaian tersebut adalah berdasarkan kepada prosedur perlantikan hakim dengan memberi keutamaan

¹⁸ Datin Dr. Andek Masnah binti Andek Kelawa (1997), Kedudukan Kehakiman Wanita di Mahkamah Syariah: Pandangan Ulama Dan Realiti Malaysia Kini, Seminar Penyelidikan Dalam Pengajian Islam, Jabatan Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia.

¹⁹ Ibid.

²⁰ Temubual dengan Yang Arif Datuk Syeikh Ghazali bin Abdul Rahman, Ketua Hakim Syarie, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, pada 23 Oktober 2003.

terhadap mana-mana individu yang layak memohon jawatan tersebut. Ini bukanlah bertujuan untuk menafikan ketokohan para ulama tersebut tetapi adalah kurang sesuai pendapat mereka yang dibuat pada zaman silam dan hanya sesuai pada zaman tersebut diadaptasikan dengan masyarakat sekarang. Jadi suatu perubahan perlu ada dalam mentaliti masyarakat pada hari ini dengan memberi peluang kepada wanita untuk menceburi bidang kehakiman.

5.3.1 Halangan Perundangan Terhadap Perlantikan Hakim Wanita

Majlis Fatwa Kebangsaan telah memutuskan bahawa wanita tidak harus memegang jawatan sebagai hakim yang bidangnya menyeluruh.²¹ Tetapi perlu dinyatakan di sini, perlantikan hakim wanita yang pertama iaitu Datuk Siti Norma Yaakob dibuat pada 4 April 1983, sedangkan fatwa tersebut dikeluarkan pada 16-17 November 1982, jadi perlantikan beliau telah dibuat selepas Majlis Fatwa Kebangsaan mengeluarkan keputusannya.

Ini menunjukkan bahawa keputusan yang dibuat oleh Majlis Fatwa Kebangsaan tidak memberi apa-apa kesan terhadap amalan di dalam pentadbiran Kehakiman Malaysia yang mana masih mengamalkan sistem perundangan penjajah. Kehakiman di negara ini menggunakan undang-undang Inggeris sebagai asas perundangan. Lagipun sistem Kehakiman Malaysia tidak terikat dengan

²¹ Fatwa oleh Majlis Fatwa Kebangsaan pada 16-17 November 1982.

fatwa tersebut untuk melantik wanita sebagai hakim. Perlantikan hakim-hakim di Malaysia adalah berdasarkan kepada kelayakan dan pengalaman yang diperlukan dan dilantik oleh Yang di Pertuan Agung atau Sultan. Walaupun begitu, perlantikan hakim wanita di Mahkamah Syariah masih tidak mendapat tempat sehingga sekarang dan penglibatan mereka dalam bidang perundangan Islam adalah amat terhad.²²

Ini menunjukkan seolah-olah prosedur Mahkamah Syariah merujuk kepada keputusan jumah ulama yang melarang wanita untuk memegang jawatan hakim yang bidangnya menyeluruh, sedangkan dalam prosedur perlantikan hakim Mahkamah Syariah tidak dinyatakan jantina sebagai syarat untuk memegang jawatan hakim.

Masyarakat seharusnya lebih bersikap terbuka dalam menilai kemampuan seseorang wanita untuk menjadi hakim dan bukannya melihat kepada jantina sahaja. Ini dikuatkan lagi dengan perlantikan hakim-hakim wanita di Mahkamah Sivil yang sekaligus menunjukkan keprihatinan masyarakat terhadap kemampuan wanita dan keintelektualan mereka dalam bidang kehakiman dan perundangan.

Penulis berpendapat bahawa wanita boleh dilantik sebagai hakim, kerana dalam konteks Malaysia hari ini jawatan hakim bukanlah melibatkan *wilayah*

²² Temubual dengan Norhasney Ridhwan b. Hassan, Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah Kelantan, pada 20 Oktober 2003.

'*ammah*, tetapi hanyalah melibatkan kes-kes tertentu sahaja. Lagipun soal layak atau tidak wanita boleh dilantik sebagai hakim tidak harus dipertikaikan kerana wanita yang memohon jawatan ini ialah di kalangan mereka yang pakar dalam bidang perundangan. Oleh itu kemampuan wanita dalam bidang kehakiman harus diambilkira supaya mereka boleh menceburi bidang ini dengan sewajarnya.

5.4 Realiti Semasa Wanita Sebagai Hakim Di Mahkamah Syariah

Dalam konteks Malaysia yang sosio-budaya masyarakatnya yang jauh berbeza, penglibatan wanita dalam masyarakat menyebabkan mereka juga turut bersama kaum lelaki dalam menceburi bidang pekerjaan dan dengan keadaan inilah mereka terdedah kepada masyarakat umum. Tambahan pula tenaga, kepakaran dan intelek mereka diperlukan untuk membangunkan negara dan masyarakat.

Memandangkan Malaysia sekarang banyak mengalami perubahan dari masa ke semasa, tidak mustahil suatu hari nanti wanita boleh dilantik sebagai hakim apabila cukup syarat-syarat yang diperlukan atau apabila mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang kehakiman. Ini tidak boleh dinafikan kerana wanita pada hari ini sudah dapat menandingi lelaki dari pelbagai keadaan. Lagi pun ada kes-kes yang melibatkan wanita seperti kes-kes yang berkaitan dengan hal-hal kekeluargaan, talak, *hadhanah*, yang mana kes-kes ini juga memerlukan pembelaan atau boleh diselesaikan oleh hakim wanita. Penglibatan mereka juga

dapat mengurangkan masalah kekurangan hakim.²³ Pelbagai cadangan telah dikemukakan oleh pihak-pihak tertentu bahawa Mahkamah Syariah perlu melantik hakim di kalangan wanita atas alasan Mahkamah Syariah sentiasa *bias* terhadap wanita dalam penghakimannya.²⁴

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Noh Omar berkata, apabila ada wanita yang dilantik sebagai hakim, rungutan terhadap hakim lelaki yang bertindak berat sebelah dalam menangani sesuatu kes tidak akan kedengaran lagi.²⁵

Beliau menegaskan, keputusan yang dibuat oleh hakim lelaki adalah tepat dan berpandukan lunas yang ditetapkan oleh sistem undang-undang Syariah. Bagaimanapun, katanya, masih ramai kaum wanita yang tidak boleh menerima penghakiman mereka.²⁶

Menurutnya lagi, sekiranya rancangan tersebut menjadi kenyataan, hakim wanita yang dilantik akan hanya diberikan kuasa untuk menghakimi kes kekeluargaan Islam. Bagi kes jenayah, ia akan dikendalikan oleh hakim lelaki, sejajar dengan garis panduan yang ditetapkan dalam Islam. Katanya, kajian

²³ Temubual dengan Norhasney Ridhwan bin Hassan, op. cit., Pada 20 Oktober 2003.

²⁴ Utusan Malaysia, 25 Januari 2003.

²⁵ Ibid.

²⁶ Ibid.

terperinci akan dibuat bagi memastikan perlantikan wanita ke jawatan tertinggi dalam sistem Mahkamah syariah itu dapat direalisasikan.²⁷

Soal keperluan semasa melantik wanita sebagai hakim harus diambil kira, sekiranya hakim lelaki yang ada sekarang tidak dapat memahami masalah-masalah yang berkaitan dengan wanita, maka kes-kes tersebut perlu diberi dan dikendalikan oleh hakim wanita. Dalam pengendalian sesuatu kes, ada juga yang memerlukan hakim wanita untuk menyelesaikannya dan bukan semua hakim lelaki dapat menjalankan tugasnya.²⁸

Perlantikan hakim dibuat oleh Yang di Pertuan Agung atau Sultan yang berdasarkan kepada kelayakan dan pengalaman seseorang dan tidak disyaratkan jantina sama ada lelaki mahupun wanita. Oleh itu jika seseorang pegawai perundangan wanita yang didapati memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan, dia boleh dilantik sebagai hakim.²⁹

Menurut Datuk Dr. Mahmood Zuhdi, perlantikan wanita dalam bidang kehakiman harus diberi keutamaan kerana mereka juga berkelayakan dan berdaya

²⁷ Ibid.

²⁸ Temubual dengan Yang Arif Tuan Hakim Nasfy bin Hj. Yassin, Hakim Mahkamah Tinggi Kota Bharu kelantan, pada 26 November 2000.

²⁹ Ibid.

saing dengan kaum lelaki. Lagipun arus kemodenan dan pembangunan yang pesat memerlukan kepada sumbangan mereka untuk membangunkan negara.³⁰

Menurutnya lagi, perlantikan wanita sebagai hakim telah lama wujud di Mahkamah Sivil tetapi sehingga kini perlantikan ini tidak berlaku di Mahkamah Syariah. Sememangnya tanggapan terhadap wanita harus diperbetulkan. Datuk Dr. Mahmood Zuhi menjelaskan bahawa hujah yang mengatakan wanita itu mempunyai ciri-ciri *nāqisāt al-'aqli* (kekurangan akal) ialah sebenarnya berada dalam konteks yang berbeza.³¹

Menurutnya, *nāqisāt al-'aqli* perlu ditafsirkan sebagai kurang berpengalaman dan bukannya sebagai kurang akal. Ini kerana konteks masyarakat pada hari ini jauh berbeza dengan masyarakat dahulu yang mana wanita pada masa itu kurang berpengalaman dan wanita kebanyakannya tidak berpelajaran atau kurang terdedah kepada pendidikan yang lebih tinggi, tetapi berbeza pula dengan sekarang, yang mana wanita sudah mula mendalami bidang ilmu, berpendidikan tinggi, lahirnya wanita yang intelektual dan berpengalaman, malah ada juga di kalangan mereka yang menceburi bidang-bidang yang mencabar dan setanding dengan lelaki.³²

³⁰ Temubual dengan Prof. Datuk Dr. Mahmood Zuhi b. Hj. Abdul Majid, Pengarah Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, pada 17 November 2000.

³¹ Ibid.

³² Ibid.

Dalam keadaan ini, *nāqisāt al-'aqli* perlu ditafsirkan sebagai *kāmilat al-'aqli* yang bermaksud kesempurnaan akal kerana memandangkan wanita juga mempunyai kelebihan dan kemampuan sama dengan lelaki.³³

Dalam konteks ini, kemampuan dan keupayaan wanita dalam menjalankan tugas kehakiman adalah sama dengan lelaki malah ada juga di kalangan wanita yang mendahului lelaki dari segi keintelektualannya, berilmu, fikiran yang lebih tajam, pencapaian kematangan yang lebih baik atau lebih teliti dalam soal menjalankan tugas dan membuat kajian dalam sesuatu kes serta mempunyai persembahan yang lebih baik berbanding dengan lelaki.³⁴

Pendapat ini juga disokong oleh Raihanah Abdullah bahawa dakwaan yang mengatakan wanita cetek akal dan fikirannya sehinggakan mereka ini tidak boleh bergiat dalam jawatan tertentu yang melibatkan *wilayah 'ammah* adalah suatu pandangan yang tidak adil terhadap kaum wanita.³⁵ Begitu juga dengan Dr. Sharifah Hayaati, beliau menganggap bahawa dakwaan seperti itu adalah berat sebelah dan beliau mempersoalkan apakah sifat kekurangan akal langsung tidak ada pada kaum lelaki.³⁶

³³ Ibid.

³⁴ Temubual dengan Yang Arif Hakim Ahmad Nasfy bin Hj. Yassin, op. cit. , pada 26 November 2001.

³⁵ Raihanah Abdullah (1999), "*Pegawai Syariah Wanita di Mahkamah-mahkamah Syariah di Malaysia*" dalam *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun*, Dr. Abdul Karim Ali, Raihanah Haji Azahari, Shah Alam: Khairom Ilmu Enterprise, h. 225.

³⁶ Sharifah Hayaati Syed Ismail (1993), "Penglibatan Wanita Di Dalam Politik Dari Kacamata Hukum", *Jurnal Syariah*, j. 1, Bil, 2, h. 37.

Perlantikan wanita dalam jawatan kehakiman ini dapat dilihat dengan perlantikan hakim di Mahkamah Sivil iaitu Datuk Siti Norma Yaakob sebagai hakim Mahkamah Persekutuan pada 23 Januari 2001.³⁷ Ini menunjukkan bahawa wanita juga mempunyai kemampuan dan kredibiliti mereka dalam menjalankan tanggungjawab sebagai hakim. Jadi mengapa perlantikan wanita sebagai hakim di Mahkamah Syariah harus dipertikaikan kredibiliti mereka, sedangkan mereka juga mempunyai kelayakan untuk memegang jawatan hakim.

Perlantikan wanita sebagai hakim di Mahkamah Syariah harus dilihat sebagai pengiktirafan peranan dan kemampuan golongan berkenaan. Dengan kemampuan dan kebijaksanaan yang ada wanita boleh mengadili kes dengan sewajarnya. Sesetengah pendapat mengatakan wanita ini mudah beremosi dalam menjalankan tugasnya. Menurut Puan Siti Khadijah, kita tidak boleh menuduh sebarang, seperti menuduh hakim wanita ini lemah dan mudah beremosi apabila berhadapan atau mengendalikan kes-kes yang berat dan mencabar, kerana perasaan ini juga ada pada hakim lelaki. Malah menurutnya lagi, wanita lebih cermat dan berhati-hati dalam menjalankan tugas.³⁸

³⁷ Utusan Malaysia, 24 Januari 2001, h. 5.

³⁸ Temubual dengan Yang Arif Puan Siti Khadijah binti Syeikh Hassan, Hakim Mahkamah Sesyen, Alor Setar Kedah, pada 27 Januari 2001.

Dr. Harlina Haliza Siraj³⁹ berkata, alasan yang mendakwa wanita tidak boleh menjadi hakim Mahkamah Syariah disebabkan beremosi tidak perlu dibesar-besarkan. Katanya, mungkin secara umum wanita memang mempunyai hati yang lembut dan itu bersesuaian dengan *fitrah* wanita. Bagaimanapun katanya, dalam konteks yang sama tentu sekali individu yang dilantik sebagai hakim sudah dapat mengimbangi emosi mereka dengan suasana dan jawatan mereka. Dalam hal ini terpolang kepada kebijaksanaan Mahkamah Syariah untuk mempertimbangkan sama ada hakim wanita boleh mengadili semua kes atau kes tertentu sahaja.⁴⁰

Untuk menyangkal setengah pendapat yang mempertikaikan kemampuan wanita dalam menjalankan tugas kehakimannya, penulis tertarik dengan pendapat Dr. Mahmood Zuhdi⁴¹katanya, “Sebenarnya wanita itu sendiri perlu dididik dan didedahkan dengan struktur emosi, ini kerana perasaan emosi itu penting dalam membentuk jiwa seseorang. Jika hendak dibandingkan wanita Melayu lebih beremosi dari wanita Barat atau dengan kata lain, wanita Barat kurang mengalami histeria berbanding wanita Melayu. Saya lebih suka katakan di sini bahawa wanita beremosi itu sebenarnya lebih berhati-hati dalam menentukan sesuatu hukuman.”⁴²

³⁹ Dr. Harlina Haliza Siraj, Wakil Jamaah Islah Wanita Malaysia (JIM), dalam Fikrah Harakah, 16-30 April 2003.

⁴⁰ Ibid.

⁴¹ Temubual dengan Datuk Dr. Mahmood Zuhdi b. Hj. Abdul Majid, op. cit.

⁴² Ibid.

Penulis sendiri menyokong pendapat ini, kerana setiap manusia itu memiliki sifat naluri masing-masing seperti belas kasihan, marah, lemah lembut, sabar, ketenangan, keluh resah dan agresif. Semua sifat ini sudah tentu ada pada setiap kaum lelaki dan wanita. Jika tidak ada sifat-sifat tersebut sudah tentu manusia tidak dapat menjalankan tanggungjawabnya sebagai khalifah di muka bumi ini. Emosi tidak boleh dijadikan alasan untuk tidak melantik wanita sebagai hakim kerana terdapat juga hakim lelaki yang bersifat emosi dan prejudis terhadap wanita ketika mengadili sesuatu kes. Penulis berharap akan berlaku pandangan yang lebih terbuka terhadap keupayaan wanita untuk dilantik sebagai hakim. Lagipun, keperluan melantik wanita sebagai hakim adalah untuk mengelakkan dari masalah kekurangan hakim yang berlaku di Mahkamah Syariah yang menyebabkan banyak kes-kes yang tertangguh.

Pandangan dari mazhab Hanafi dianggap sesuai dengan realiti semasa yang berlaku pada hari ini. Perlantikan wanita sebagai hakim sudah tentu dapat mengatasi masalah kekurangan hakim dan melicinkan pentadbirannya. Dengan perkembangan semasa yang sentiasa berubah dari sudut struktur masyarakatnya, maka kelebihan intelek seseorang bukan dilihat kepada perbezaan jantina. Mahmud Saedon berkata:

*“Keadaan yang wujud hari ini dan keperluan masyarakat Islam masa kini adalah asas kepada pemilihan pendapat Ulama’ yang mungkin dapat kita terima dan amalkan. Oleh itu pandangan Mazhab Hanafi yang sederhana boleh membantu menyelesaikan perlantikan wanita sebagai kadi/hakim dewasa ini”*⁴³

⁴³ Mahmud Saedon Awang Othman (1991), *Kadi, Perlantikan, Perlucutan dan Bidangkuasa*, c. 2, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 33.

Di Sudan umpamanya telah lama maju dari segi tanggapan dan persepsi masyarakat dalam soal hubungan *gender*. Ia telah melantik wanita menjadi hakim sejak dari tahun 70an lagi. Kalau benarlah wanita dibenarkan menjadi hakim secara *ijmak* sehinggakan tidak ada ruang langsung untuk mengubah pandangan tersebut mengapakah Sudan melantik kaum wanita menjadi hakim. Ini menampakkkan kepada kita bahawa persoalan perlantikan wanita menjadi hakim adalah sesuatu yang belum muktamad.⁴⁴

Sudah tiba masanya wanita yang berkebolehan dalam bidang undang-undang dilantik sebagai hakim. Perlantikan hakim di Mahkamah Syariah harus dilihat dari sudut kemampuan seseorang dan bukan kepada perbezaan jantina. Keperluan semasa harus difahami dan dibuat penilaian agar masalah perlantikan hakim Mahkamah Syariah boleh diselesaikan. Pada pandangan penulis, perlantikan wanita sebagai hakim Mahkamah Syariah harus diberi ruang, memandangkan sudah ada wanita yang dilantik sebagai hakim di Mahkamah Sivil dan kredibiliti mereka tidak pernah dipersoalkan. Oleh itu apa yang penting adalah perlu ada perubahan dalam mentaliti serta sikap masyarakat yang lebih bersifat terbuka terhadap kemampuan wanita dalam bidang kehakiman.

5.5 Analisis Semasa Keperluan Hakim Wanita Di Mahkamah Syariah

Daripada analisis yang dilakukan oleh penulis menunjukkan sebahagian besar ulama melarang perlantikan wanita sebagai hakim, ini kerana jawatan kehakiman

⁴⁴ Raihanah Abdullah, *op. cit.* h. 231.

dianggap bidang yang mencabar dan disamakan dengan *wilayah 'ammah*. Namun sebahagian dari mereka iaitu mazhab Hanafi mengharuskan perlantikan hakim wanita selain *hudud* dan *qisas*. Oleh itu pandangan mazhab Hanafi adalah dianggap lebih sesuai dengan situasi yang berlaku pada hari ini dengan melihat kepada perkembangan masyarakat semasa yang maju dan kepentingan masyarakat Islam itu sendiri. Lagipun, sekiranya ada wanita yang dilantik sebagai hakim, ianya tidak menyentuh pengendalian kes-kes *hudud* dan *qisas* kerana negara ini masih tidak melaksanakan *hudud* dan *qisas*. Tambahan pula dalam konteks sekarang bidang kehakiman tidak termasuk dalam *wilayah 'ammah*, bahkan ianya tertumpu di mahkamah sahaja.

Realiti semasa memainkan peranan yang penting terhadap perlantikan hakim wanita, memandangkan sekarang ramai wanita yang mempunyai keintelektualan setaraf dengan lelaki. Kita tidak perlu lagi berada ditakuk pemikiran yang lama dengan beranggapan bahawa wanita tidak boleh memegang jawatan hakim dengan alasan wanita lemah dan yang layak memegangnya adalah lelaki sahaja. Bahkan keintelektualan dan kemampuan seseorang bukannya diukur melalui jantina. Oleh itu penglibatan wanita sebagai hakim dianggap suatu keperluan kepada institusi Kehakiman Islam yang sering dipertikai kewibawaannya seperti masalah kekurangan hakim yang menyebabkan banyak kes-kes tertangguh. Jadi apabila ada wanita yang dilantik sebagai hakim sudah tentu dapat meringankan bebanan yang dihadapi oleh Mahkamah Syariah.

Masalah emosi adalah alasan yang sering dijadikan hujah oleh sesetengah pihak yang tidak bersetuju dengan perlantikan hakim wanita. Alasan ini tidak boleh dijadikan hujah yang kukuh untuk menolak perlantikan hakim wanita bahkan dari segi kemampuan dan kebijaksanaan membuat keputusan, hakim lelaki dan wanita sama saja. Perasaan emosional itu terpulang kepada individu dan bukan dikhususkan kepada hakim wanita sahaja.⁴⁵ Sehubungan itu, jika emosi dijadikan alasan untuk tidak melantik wanita sebagai hakim, apa bezanya dengan hakim lelaki yang bersikap prejudis terhadap wanita terutama ketika mengadili kes di Mahkamah Syariah.⁴⁶

Keprihatinan kerajaan untuk melantik wanita sebagai hakim terutamanya dalam kes-kes kekeluargaan patut dibanggakan, kerana melalui cadangan tersebut wanita berpeluang untuk menceburi bidang yang mencabar ini dan menolak perasaan prejudis oleh sesetengah pihak terhadap keupayaan wanita. Masyarakat harus bersikap positif terhadap keupayaan wanita kerana sekarang wanita sudah mempunyai ilmu pengetahuan tinggi, berbeza dengan dahulu wanita yang mempunyai ilmu pengetahuan tinggi sangat terhad bilangannya.

⁴⁵ Dr. Harlina Haliza Siraj, *op. cit.*

⁴⁶ *Ibid.*

RUMUSAN

Agama Islam telah membetulkan anggapan salah terhadap wanita di dalam agama terdahulu, Islam juga telah mengiktiraf sumbangan yang dilakukan oleh golongan wanita. Dengan kewibawaan dan ketokohan wanita inilah telah muncul tokoh-tokoh wanita yang terkemuka dalam pelbagai bidang dan lapangan.

Atas dasar inilah penulis berpendapat wanita harus diberi peluang untuk menceburi bidang kehakiman memandangkan tenaga kepakaran mereka diperlukan oleh negara dan setiap lapisan masyarakat.

Walaupun berlaku perselisihan ulama dalam masalah perlantikan wanita sebagai hakim, namun sekurang-kurangnya terdapat pandangan yang boleh kita gunakan bersesuaian dengan perkembangan semasa yang mengalami perubahan dalam realiti kehidupan mereka, juga dapat membantu masalah yang timbul dalam pentadbiran kehakiman Islam seperti masalah kekurangan hakim, mengelakkan kes-kes tertangguh, *bias* terhadap wanita dalam penghakiman dan seumpamanya.

Penglibatan wanita dalam jawatan kehakiman juga menunjukkan wanita berhak bersama-sama menegakkan keadilan dan memperjuangkan hak wanita dalam kes-kes yang melibatkan wanita. Ini bukanlah untuk menafikan

kemampuan hakim lelaki dalam menangani masalah yang melibatkan wanita, tetapi adalah amat wajar wanita diberi peluang dalam menangani kes-kes tersebut kerana mereka lebih dikatakan memahami jiwa, perasaan, naluri dan secara tidak langsung dapat membantu membela nasib pihak-pihak tertentu terutamanya golongan sejenis mereka.

Begitu juga dengan kes-kes yang memerlukan lebih dari seorang hakim dalam sesuatu perbicaraan. Dalam keadaan ini hakim wanita harus dilantik sebagai hakim untuk membantu hakim lelaki dalam mengendalikan kes-kes tersebut.

Sehingga sekarang, wanita masih tidak dilantik sebagai hakim di Mahkamah Syariah, sedangkan perlantikan hakim Mahkamah Syariah tidak mensyaratkan jantina. Ini menunjukkan bahawa wanita juga boleh dilantik sebagai hakim. Fenomena ini terjadi disebabkan ulama-ulama di Malaysia tidak bersetuju dengan perlantikan tersebut. Mereka berhujah dengan menolak perlantikan wanita sebagai hakim di Mahkamah Syariah dengan berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah serta pendapat-pendapat ulama Syafie seperti yang terdapat dalam kitab-kitab *Fiqh*.

Keutamaan perlantikan hakim masih diberikan kepada kaum lelaki kerana menurut mereka masih ramai wanita yang belum mempunyai kelayakan atau ilmu

yang dikehendaki sampai keperingkat *mujtahid*. Walaupun mazhab Syafie tidak mengharuskan perlantikan wanita sebagai hakim secara mutlak kerana disamakan dengan *wilayah 'ammah*, tetapi jika terdapat wanita yang benar-benar berpengalaman dalam jawatan ini mereka boleh dilantik sebagai pembantu hakim yang bertugas membantu hakim lelaki dalam mengendalikan kes-kes yang berkaitan dengan harta dan undang-undang keluarga, manakala perkara-perkara yang berkaitan dengan jenayah, mereka tidak harus menceburi bidang ini.

Begitu juga di Mahkamah Sivil, Perlembagaan Persekutuan dan akta-akta yang diluluskan telah memperuntukkan bahawa syarat untuk menjadi hakim bukan semestinya seorang lelaki, tetapi adalah berdasarkan kepada kelayakan, pengalaman dalam bidang kehakiman dan undang-undang dan perlantikan ini dibuat oleh Yang di Pertuan Agung atau Sultan. Perlu ditegaskan di sini bahawa sudah ada hakim wanita yang dilantik di Mahkamah Sivil dan ini menunjukkan kemampuan mereka dalam menjalankan tanggungjawab sebagai hakim dan penerimaan masyarakat terhadap perlantikan hakim di kalangan wanita. Peranan dan kredibiliti mereka tidak pernah dipersoalkan. Kita berharap agar anggapan seperti ini juga berlaku kepada masyarakat hari ini terutama bagi mereka yang berpendidikan agama untuk menyelesaikan masalah perlantikan hakim wanita di Mahkamah Syariah.

Sikap positif terhadap keupayaan wanita menjadi hakim harus wujud dalam masyarakat pada hari ini. Kemampuan seseorang wanita dalam bidang

kehakiman tidak boleh diukur melalui perbezaan jantina, tetapi hendaklah dinilai melalui kecekapan dan keintelektualan wanita dalam menjalankan tanggungjawabnya. Walaupun wanita mempunyai naluri yang lemah lembut, tetapi sifat ini mendorong kepada kesabaran dan ketelitian mereka dalam menjalankan tugas dengan baik.

Secara logiknya perubahan sosio budaya masyarakat negara yang sentiasa mengalami perubahan juga antara faktor utama wanita patut diberi peluang dalam jawatan kehakiman terutamanya di Mahkamah Syariah. Amat tidak wajar sekiranya segelintir masyarakat yang memandang rendah akan keupayaan wanita dalam jawatan kehakiman dan mengatakan hakim wanita tidak diperlukan. Sebenarnya tenaga kepakaran mereka juga diperlukan untuk pembangunan negara dan tidak sepatutnya kita mengikut hukum yang hanya sesuai pada masa tertentu sahaja, tetapi hukum itu boleh berubah mengikut perubahan zaman asalkan tidak bercanggah dengan *nas-nas* syarak yang telah ditetapkan.

Apa yang perlu dilihat pada hari ini bukanlah semua wanita tidak mampu memegang tugas-tugas yang berat dan mencabar yang hanya boleh dipikul oleh kaum lelaki, kerana ada juga wanita yang mampu melakukannya. Malah sekarang ini ramai di kalangan wanita yang setanding dengan lelaki dalam memikul dan melakukan tugas-tugas seumpama itu seperti menjadi menteri, wakil rakyat, ketua-ketua jabatan dan juga sebagai hakim.

Ini bukanlah sesuatu yang diluar dugaan dan Islam tidak melarang wanita dari melibatkan diri dalam pelbagai bidang pekerjaan yang mampu dilakukannya, kecuali tugas pemerintahan tertinggi dalam negara asalkan tidak bercanggah dan menyalahi batas-batas yang telah ditetapkan oleh syarak.

Wanita-wanita yang mampu melakukan tugas ini adalah dari kalangan mereka yang tidak begitu terikat dengan tanggungjawab sebenar mereka dalam urusan rumahtangga seperti tidak mempunyai anak yang ramai, mempunyai suami yang memahami kerjaya serta dia sendiri bijak mengurus dan mengatur kedua-dua tugasnya di rumah dan di luar rumah.

Berdasarkan kepada kemampuan wanita yang mampu memikul tugas sebagai hakim, ini bukan suatu perkara yang menyalahi kehendak Islam yang telah ditetapkan terhadap hak-hak antara lelaki dan wanita kerana ketetapan hak tersebut adalah secara umum tanpa menafikan ada wanita yang mempunyai kelebihan sama dengan lelaki.

Oleh itu tidaklah menjadi suatu kesalahan jika kita mengharuskan perlantikan wanita sebagai hakim, selagi tidak menyalahi undang-undang syarak yang telah ditetapkan, serta soal bebanan mereka juga berbeza kerana ianya bergantung kepada kemampuan wanita tersebut dalam menangani permasalahan mereka. Kemungkinan wanita-wanita ini lebih bijak menguruskan masa, tidak

menghadapi bebanan rumahtangga yang berat dan ada persefahaman dengan suami dan ahli keluarganya. Tugas kehakiman pula ianya tidak tidaklah melibatkan urusan rumahtangga kerana tugas kehakiman ini ternyata lebih tersusun dan tidak melibatkan urusan diluar rumah. Keadaan di mahkamah juga boleh membentuk satu disiplin yang lebih teratur dan tatasusila yang lebih menjamin keselamatan wanita.

Sistem kehakiman di Mahkamah Sivil pada hari ini adalah berbeza dengan sistem kehakiman Islam. Perbezaan ini terdapat pada dasar perundangan yang digunakan, kerana sistem perundangan di Malaysia adalah berdasarkan kepada undang-undang Inggeris. Berbeza pula dengan sistem kehakiman Islam yang menggunakan undang-undang Islam sebagai asas kepada perundangan iaitu berpandukan al-Quran, al-Sunnah, *ijmak* ulama, *qiyas* dan sumber perundangan yang lain. Perlaksanaan hukum syarak di Malaysia hanya tertumpu di Mahkamah Syariah sahaja. Itupun terbatas dalam bidang-bidang tertentu seperti yang melibatkan soal-soal kekeluargaan dan undang-undang diri sahaja.

Di Mahkamah Sivil ramai di kalangan wanita yang bertugas sebagai hakim terutama sebagai Majistret dan hakim di Mahkamah Sesyen. Begitu juga dalam jawatan perundangan yang lain seperti bidang guaman. Dalam keadaan ini tidak timbul soal perlantikan tersebut layak atau tidak mengikut pandangan Islam kerana memandangkan sistem dan asas perundangan yang digunakan berbeza dengan sistem kehakiman Islam. Tambahan pula keadaan semasa dan keperluan